Sistem Raja Berperlembagaan institusi unik, asli

Tunku Abdul Rahman pastikan tradisi kekal selepas negara bebas daripada belenggu penjajah

B/H 14/12/2011 MS 23.

Ong Guan Sai

APABILA Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada British pada 31 Ogos 1957, Bapa Kemerdekaan dan arkitek Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sudah membuat satu pilihan tepat atau berpandangan jauh dengan meneruskan sistem pemerintahan beraja kepada sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen sebagai teras sistem pemerintah Tanah Melayu.

Seterusnya, selepas pembentukan Malaysia, walaupun kebanyakan negara di rantau ini yang hampir sezaman dengannya memerdekakan negara masing-masing daripada belenggu penjajahan memilih haluan menjadi sebuah negara republik, seperti Indonesia dan India. Tunku tidak terpengaruh dengan sentimen dan kebangkitan idea republik yang berlaku di negara serantau, sebaliknya menggilap semula permata yang hampir pudar akibat muslihat penjajah.

Tunku mengambil kira kehendak rakyat negara ini apabila merangka Perlembagaan dengan memasukkan peruntukan yang boleh dilaksanakan dengan menyenaraikan idea sejarah, peranan, identiti dan pelindung serta ciri silam lain sebagai perlembagaan demokrasi.

Latar belakang sejarah yang berkurun sudah serasi dengan cita rasa rakyat. Tidak mungkin bercambahnya idea republik di kalangan rakyat negara ini, khasnya orang Melayu, menyebabkan rakyat memilih untuk mengekalkan raja dalam Perlembagaan.

Menyedari hakikat ini bahawa pengaruh dan sentimen feudal di kalangan rakyat, khasnya ke atas Raja-Raja Melayu masih kuat, Tunku cuba mengekalkan ikatan tradisi antara orang Melayu dengan Raja-Raja Melayu khasnya peranan sebagai pelindung, seperti luahan beliau melalui buku *Looking Back*, 1977:27-28. '...at all cost I wanted to avoid a split with the Rulers...,'. Without the protective influence of their Rulers, the Malays would lose whatever resemblance of belonging they might have in the land of their birth.'

Tunku dianggap seorang pelopor pembaharuan tradisi feudal. Beliau sudah membangunkan semula institusi yang dipandang sepi oleh kebanyakan pemimpin negara, mengutip dan merekayasa institusi beraja di negara ini yang memiliki sembilan Raja-Raja Melayu yang bersemayam di sembilan negeri Melayu (tidak termasuk Negeri-Negeri Selat seperti Singapura, Melaka dan Pulau Pinang). Dengan memodenkan institusi yang dianggap kebanyakan negara di kala itu institusi beraja sebagai tinggalan sejarah.

Melalui bukunya berjudul *Sudut Pandangan*, Tunku yakin bahawa tindakan yang sudah beliau ambil menjadikan Tanah Melayu ketika itu sebagai sebuah negara beraja adalah tepat.

"Tidak pernah sekali pun terjadi sesuatu yang menyebabkan saya menyesali peranan saya sebagai orang yang sudah mencadangkan supaya Malaysia menjadi negara beraja. Kerana saya yakin ini akan membawa kesejahteraan, keamanan dan kegemilangan kepada negara kita."

BERNAMA

YANG Di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bersama Permaisuri Agong Tuanku Haminah Hamidun ketika berangkat pulang selepas sambutan penuh istiadat pelantikan di Dataran Parlimen, semalam.

Selain daripada institusi tradisi iaitu raja-raja di sembilan negeri Melayu, institusi jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja adalah produk Perlembagaan Persekutuan. Dengan kata lain, adanya undang-undang yang mewujudkannya. Justeru, institusi itu diberi kedudukan dan tempat sewajarnya seiring dengan tugas, peranan dan fungsinya yang bertindak sebagai Kepala Utama Negara melalui Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan. Pada masa sama, Perlembagaan juga mengiktiraf kewujudan institusi tradisi di peringkat negeri iaitu Raja-Raja Melayu dan institusi Yang Dipertua Negeri.

Raja yang paling kanan dan paling berprestij ialah Yang di-Pertuan Agong. Kekananan di kalangan Raja-Raja bagi sembilan negeri, berdasarkan tarikh mereka diangkat menjadi Raja atau Sultan. Manakala Raja-Raja Melayu pula mengambil keutamaan mengatasi Yang Dipertua Negeri.

Untuk sekian lama, hampir 50 tahun sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diterapkan dalam mentadbir Malaysia sudah memberi satu jaminan kestabilan dan keamanan kepada sebuah negara yang mempunyai kemajmukan yang kompleks, kepelbagaian bukan saja terhad kepada komposisi etnik, tetapi juga penggunaan bahasa, pengamalan budaya, anutan keagamaan dan kedaerahan geografi.

Ciri pemodenan dan pembaharuan yang dikanun dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan mencipta satu jawatan baru dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama bagi Persekutuan. Ini bermakna satu takhta baru ditambah, iaitu tempat bersemayamnya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jawatan yang disandang secara bergilir-gilir setiap lima tahun sekali di kalangan sembilan raja-raja dari negeri Melayu. Dari kacamata demokrasi, proses pemilihan dan juga pelantikan sedemikian boleh dianggap sebagai amalan demokrasi melalui pengundian yang terhad di kalangan sembilan Raja-Raja Melayu. Pemilihan ini boleh dipanggil 'pilihan raya diraja'.

Idea mewujudkan institusi Yang di-Pertuan Agong bukanlah sesuatu yang dipinjam atau ditiru daripada luar. Justeru, institusi ini diakui sebagai 'yang unik dan asli', sesuai dengan kepelbagaian komposisi penduduk yang majmuk dari segi etnik, kebudayaan dan juga agama.

Perlembagaan telah mencipta jawatan Yang Di-pertuan Agong yang fungsi utama sebagai simbol perpaduan di kalangan rakyat tanpa mengira sempadan bangsa, keturunan atau asal usul mahupun dari negeri mana, dan bertindak sebagai penawar paling mujarab jika keadaan memerlukannya.

Penulis ialah Timbalan Pengarah Kastam, Cawangan Pendakwaan, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia, Putrajaya.